

Berita HANTAY (03/03/2021)
MIS 14

Pembakaran terbuka ketika cuaca panas punca jerebu

Hutan terbakar turut jadi sebab tujuh kawasan catat kualiti udara tak sihat

Oleh Saadiah Ismail dan Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebakaran hutan dan pembakaran terbuka dalam keadaan cuaca panas serta kering di seluruh negara ketika ini, menyebabkan keadaan berjerebu terutama sekitar Lembah Klang.

Sebanyak 17 kejadian dilaporkan berlaku di Selangor, Johor, Pahang dan Pulau Pinang semalam, membabitkan 10 kejadian hutan dan belukar terbakar, di samping kebakaran tujuh tapak pelupusan sampah.

Setakat jam 4 petang semalam, tujuh kawasan mencatatkan kualiti udara tahap tidak sihat mengikut Indeks Pencemaran Udara (IPU), membabitkan lima stesen kualiti udara di Selangor iaitu Johan Setia, Klang (188), Banting (167), Potaling Jaya (122), Klang



JAS juga telah menyediakan enam kertas siasatan, mengeluarkan satu kompaun dan empat notis arahan serta arahan di lapangan.



Anggota Bomba dan Penyelamat memadamkan kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan, Tanjung Sepat, semalam. (Foto BERNAMA)



(167), Petaling Jaya (133), Klang (107), Shah Alam (104).

Stesen Cheras di Kuala Lumpur merekodkan bacaan 111 IPU, manakala stesen Rompin di Pahang (133). Sebanyak 52 kawasan di seluruh negara mencatatkan kualiti udara pada tahap sederhana.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata keadaan sedikit berjerebu di Lembah Klang semalam berpunca daripada kebakaran hutan dan tanah gambut di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan seluas 34 hektar sejak 24 Februari lalu.

Beliau berkata, pembakaran terbuka daripada aktiviti pertanian tanah gambut di Johan Setia, Klang yang dikesan sejak 5 Februari lalu dengan 5 lokasi kebakaran membabitkan keluasan 1.2 hektar menyebabkan kualiti udara tidak sihat di kawasan berkenaan.

“Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga mengesan kebakaran belukar di kawasan Rompin dengan anggaran keluasan empat hektar hari ini meningkatkan bacaan IPU di stesen kualiti udara Rompin, Pahang.

“Saya sudah mengarahkan JAS menjalankan siasatan dan tindakan penguatkuasaan terhadap kes pembakaran terbuka.

“JAS juga telah menyediakan enam kertas siasatan, mengeluarkan satu kompaun dan empat notis arahan serta arahan di lapangan.

“Tindakan tegas diambil ke-

Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air

pada pemilik tanah, operator tapak pelupusan sampah dan pelaku yang menyebabkan pembakaran terbuka yang menjejaskan kualiti udara,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Untuk rekod, bacaan IPU di antara 0 hingga 50 dikategorikan paras baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia),

Keadaan jerebu di Kuala Lumpur dirakam pada 3 petang semalam, di Bukit Tunku.

(Foto BERNAMA)

Jailan Simon, berkata negara kini berada fasa akhir Monsun Timur Laut hingga pertengahan Mac dengan taburan hujan yang rendah.

Beliau berkata, cuaca panas ketika ini adalah fenomena biasa sepanjang tempoh Februari hingga April setiap tahun.

Katanya, cuaca agak panas terutama waktu malam apabila terdapatnya litupan awan dan suhu tertinggi bagi Februari yang diceraip Stesen Meteorologi Kuala Kangsar, Perak ialah 36.2 Celcius.

Sementara itu, kebakaran di kompartmen 15 Hutan Simpan

Kuala Langat Selatan di Kuala Langat kini merebak sehingga lebih 40 hektar berikutan cuaca panas, kering dan berangin.


Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, berkata kerajaan negeri memperoleh bantuan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) untuk melakukan pengeboman air menggunakan pesawat Bombardier CL-415 bagi mempercepatkan kerja pamadaman kebakaran.

Katanya, penggunaan teknik pengeboman air diyakini mampu


mempercepatkan pamadaman antara dua hingga ke tiga minggu daripada jangkaan empat sehingga enam minggu sebelum ini.

Katanya, penggunaan pesawat Bombardier CL-415 mendapat kelulusan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk diterbangkan semalam.

“Kami berjaya memadam kawasan seluas 6.07 hektar sejak semalam (kelmarin) dan usaha digembleng untuk memadamkan kepala api daripada ia merebak ke bahagian lain yang berhampiran dengan hutan,” katanya.



Pemandangan sekitar Bandar Sunway, Petaling Jaya yang berjerebu, semalam. (Foto Amirudin Sahib /BH)



Keadaan jerebu di sekitar Kampung Johan Setia, Klang dengan IPU pada 12 tengah hari adalah 189 iaitu paras tidak sihat. (Foto Muhmd Asyraf Sawal /BH)